



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## PELAKSANAAN PENGAPUNGAN HARGA MINYAK DIESEL PADA 1 JANUARI 2024 ADALAH TIDAK BENAR

**PUTRAJAYA, 12 DISEMBER 2023** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) ingin menjelaskan bahawa beberapa hantaran yang dimuat naik menerusi media sosial berkaitan “subsidi diesel dihapuskan bagi kenderaan diesel bermula 1 Januari 2024” adalah maklumat yang tidak benar.

Untuk makluman, KPDN sedang menjalankan projek rintis bagi melihat keberkesanan sistem *fleet card* dan Sistem MySubsidi Diesel melibatkan enam (6) syarikat yang menerima kuota bagi *skid tank* mereka yang akan tamat tempoh pada 14 Januari 2024. Ia sama sekali tidak melibatkan pengguna kenderaan diesel individu. Proses pengujian ini perlu dilaksanakan bagi melihat kecekapan sistem yang dibangunkan agar ia benar-benar menepati spesifikasi dan matlamat penyasaran semula subsidi diesel seperti mana yang dirancang.

KPDN berharap agar tidak ada mana-mana pihak menghebahkan sesuatu perkara yang tidak jelas dan boleh mengelirukan orang ramai. Sebarang pengumuman rasmi hanya akan dibuat oleh pihak KPDN dan Kementerian Kewangan berhubung mekanisme pelaksanaan penyasaran semula subsidi diesel setelah selesai sesi libat urus dan uji lari sistem *fleet card* dan Sistem MySubsidi Diesel dilaksanakan.

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP,  
PUTRAJAYA, 12 DISEMBER 2023.**